



Prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan meningkat - Ismail Sabri

Oleh Rohaniza Idris - Ogos 19, 2022 @ 4:57pm
roha@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan (DE) Tahun 2022 mencatat peningkatan sehingga 50.35 peratus sehingga 15 Ogos lalu, berbanding 26.4 peratus pada 15 April lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perkara itu dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Bilangan 2 Tahun 2022 yang turut dihadiri oleh Menteri-Menteri Kanan serta Ketua Jabatan dan Agensi.

Justeru, katanya, semua kementerian digesa meningkatkan prestasi perbelanjaan yang mana peruntukan yang tidak dibelanjakan perlu diserahkan kembali kepada Kementerian Kewangan untuk diagihkan semula kepada kementerian yang memerlukan.

"Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan RMKe-12 dan Jawatankuasa Pemudahcara Pelaksanaan Projek Pembangunan Negara (JP4N) akan terus meneliti isu dan cabaran semasa bagi mempercepat pelaksanaan projek pembangunan dalam tempoh rancangan, demi manfaat Keluarga Malaysia," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Ismail Sabri juga menegaskan mesyuarat itu turut bersetuju supaya Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) menyediakan Kajian Separuh Penggal (KSP) RMK-12 bagi meneliti dan menyemak semula dasar dan sasaran sedia ada agar matlamat pembangunan yang disasarkan dapat dicapai.

Katanya, proses itu akan bermula pada September 2022 hingga September 2023.

elaras dengan sasaran mencapai status negara berpendapatan tinggi yang inklusif dan mampan pada 2025.

"Mesyuarat juga bersetuju membuat pemantauan rapi dan berterusan ke atas pencapaian indikator utama dan memastikan pelaksanaan intervensi yang perlu ekoran ketidaktentuan ekonomi dunia, konflik geopolitik yang mempengaruhi kenaikan inflasi serta perubahan struktur ekonomi negara yang perlakan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ismail Sabri berkata, Malaysia menjadi negara menua (ageing nation) pada tahun 2021 dan dijangka menjadi negara tua (aged nation) pada tahun 2044.

"Negara menua ditakrifkan sebagai populasi yang berumur 65 tahun ke atas mencapai tujuh peratus daripada jumlah populasi, manakala negara tua ditakrifkan sebagai populasi yang berumur 65 tahun ke atas mencapai 14 peratus daripada jumlah populasi.

"Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju dengan mekanisme mengarus perdana agenda negara menua dan penyediaan satu rangka tindakan (blueprint) Agenda Negara Menua (ANM) yang akan diselaraskan oleh EPU, JPM," katanya.

Dalam masa yang sama, Perdana Menteri berkata, kerajaan komited dalam mencapai matlamat sifar miskin tegar menjelang hujung 2025 menerusi Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang dilancarkan April tahun lalu.

Katanya, bagi fasa pertama, program itu membabitkan 80 lokaliti dan kira-kira 5,000 Ketua Isi Rumah (KIR) secara rintis.

"Pelaksanaan BMTKM akan menggunakan pendekatan baharu yang lebih holistik, bersepadau dan berfokus dengan tumpuan kepada aktiviti penjanaan pendapatan dalam kalangan KIR miskin tegar secara mampan," katanya.